

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**STW217 – Kerja Kumpulan**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan kesemuanya. Bahagian A **MESTI** dijawab dan pilih **DUA** (2) lagi soalan yang lain dari Bahagian B. Tiap-tiap soalan membawa 100 markah.

...2/-

### **Bahagian A**

Soalan ini **WAJIB** dijawab.

- 1) Bincangkan faktor yang mendorong seseorang itu melibatkan dirinya dalam sesebuah kumpulan.

### **Bahagian B**

Jawab **DUA** (2) soalan sahaja.

- 2) Bincangkan apakah perubahan yang perlu berlaku di kalangan ahli apabila kumpulan sampai ke tahap pertengahan?
- 3) Bincangkan pemahaman anda tentang proses penyelesaian masalah dalam praktis kerja kumpulan yang dibahaskan oleh John Dewey.
- 4) Sekumpulan suami yang mendera telah diperintahkan oleh pihak mahkamah untuk menjalani kerja kumpulan sebagai sebahagian daripada proses pemulihan. Anda merupakan pekerja sosial di Jabatan Kebajikan Masyarakat dan telah diwartakan untuk menjalankan kerja kumpulan tersebut. Bincangkan:
  - a) Apakah pemahaman anda tentang kumpulan ini?
  - b) Apakah pra-perancangan yang perlu dibuat?
  - c) Apakah masalah psikososial yang mungkin mereka alami?
  - d) Apakah aspek-aspek psikososial yang boleh difokuskan apabila kerja kumpulan itu dijalankan nanti?
- 5) Bincangkan proses dan dinamik kerja kumpulan yang anda pelajari boleh diaplikasikan dalam konteks keluarga dan hubungan anda dengan pelbagai individu di tempat kerja.

1. Kenal pasti dan bincangkan peranan kerajaan dalam proses pembangunan. Bagaimanakah jenis pemerintahan, ideologi dan saiz kerajaan mempengaruhi keberkesanan kerajaan dalam melaksanakan proses pembangunan? Bincangkan dengan menggunakan contoh dua (2) buah negara yang telah anda pelajari.
2. Apakah peranan dan fungsi birokrasi awam dalam proses pembangunan? Bagaimanakah ciri-ciri birokrasi awam boleh memudahkan, sekaligus boleh juga menghalang, pencapaian mat+lamat-matlamat pembangunan yang ingin dicapai? Bincangkan dengan menggunakan contoh dua (2) buah negara yang telah anda pelajari.
3. Bincangkan sebab-sebab mengapa rombakan sektor awam perlu dilaksanakan dalam usaha untuk mencapai matlamat-matlamat pembangunan di negara-negara mundur dan membangun. Apakah ciri-ciri rombakan yang telah dilaksanakan di negara-negara tersebut? Pilih dua (2) buah negara untuk menghuraikan jawapan anda.
4. Bagaimanakah pergantungan birokrasi awam sesama sendiri, serta pergantungan kepada penderma asing, boleh menyukarkan pencapaian matlamat-matlamat pembangunan di negara-negara mundur dan membangun? Bincangkan dengan menggunakan dua (2) contoh negara yang telah anda pelajari.
5. Kenapakah birokrasi awam memerlukan bantuan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) dan institusi-institusi kewangan antarabangsa untuk mencapai matlamat-matlamat pembangunan? Kenal pasti dan bincangkan masalah-masalah yang timbul apabila birokrasi awam terlalu bergantung kepada badan-badan bukan kerajaan dan institusi-institusi ini untuk mencapai matlamat-matlamat pembangunan. Bincangkan dengan menggunakan satu (1) contoh negara yang telah anda pelajari.
6. Apakah strategi-strategi pembangunan yang telah digunakan oleh kebanyakan negara-negara mundur dan membangun untuk mencapai matlamat-matlamat pembangunan mereka? Kenapakah strategi-strategi ini perlu dipertimbangkan semula? Kemukakan saranan-saranan bernas untuk mengatasi masalah-masalah yang telah dikenalpasti. Bincangkan dengan menggunakan satu (1) contoh negara yang telah anda pelajari.